

# Kepentingan perancangan kewangan sewaktu persaraan

**KITA** telah pun menyentuh secara mendalam dua topik kepentingan perancangan kewangan dalam dua artikel sebelum ini iaitu perancangan pada peringkat awal kehidupan yang tertumpu kepada zaman kanak-kanak dan remaja. Diikuti kupasan terhadap peringkat pertengahan yang tertumpu kepada golongan muda bekerja dan berkeluarga serta memulakan tabungan dan membuat pelaburan. Hasil perancangan teliti dalam kedua peringkat kehidupan ini adalah bermatlamat jangka panjang yang akan menentukan pulangan ketika menghadapi waktu zaman persaraan kelak.

Menyentuh soal keperluan perancangan persaraan, ia perlu dilakukan sejak awal lagi oleh setiap individu sebagai realistik penyelesaian keperluan kewangan untuk menampung kehidupan ketika persaraan kelak. Persoalannya, instrumen kewangan manakah mampu menjamin matlamat persaraan kita?

Kita sedia maklum rata-rata warga kerja di Malaysia menyandarkan segala perancangan persaraan mereka kepada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka. Adakah tindakan ini akan membantu dalam merangka pelan persaraan bagi menjamin keberkesanan perancangan persaraan kelak?

Laporan Risalah Persaraan KWSP jelas menunjukkan terdapat sebahagian besar pesara iaitu sebanyak 50 peratus, menghabiskan simpanan KWSP mereka hanya dalam masa tiga hingga lima tahun daripada tempoh persaraan. Dalam masa yang sama, menurut kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2007 mendapati bahawa penduduk Malaysia mempunyai purata jangka hayat sihat selama 66 tahun sahaja.

Dengan purata peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia kini yang telah meningkat sehingga 75 tahun, penduduk Malaysia dijangka menjadi warga emas yang lemah dan berpenyakit bagi tempoh 8 hingga 10 tahun terakhir sebelum meninggal dunia. Dengan peningkatan ini juga,



sebahagian besar pesara tidak mampu menampung kos kehidupan sepanjang hayat selepas persaraan. Malah ada pesara yang telah menghabiskan wang KWSP bagi menanggung kos perubatan bagi penyakit yang mempunyai kaitan dengan usia tua.

Menurut AC Nielsen, sebuah syarikat penyelidik pasaran antarabangsa, hanya 21 peratus rakyat Malaysia bersedia dari segi kewangan untuk menghadapi zaman persaraan, 42 peratus tidak pasti (sama ada) mereka bersedia (atau tidak) untuk bersara dan baki 35 peratus berkata mereka tidak bersedia dari segi kewangan untuk bersara.

Dapat dilihat daripada data-data ini bahawa sebahagian besar rakyat Malaysia tidak yakin dengan pelan persaraan mereka dan tidak bersedia dengan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalani usia persaraan yang selesa. Sebahagian besar daripada mereka memerlukan pelan persaraan yang lebih kukuh dan menyeluruh.

Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa takaful adalah satu daripada instrumen kewangan yang mampu menyediakan simpanan persaraan melalui pelan persaraan takaful.

Takaful juga menyediakan pelan perlindungan perubatan takaful yang akan membantu melindungi dan membiayai keperluan perubatan pemilik pelan takaful tersebut. Pelan perlindungan perubatan ini adalah pelan jangka panjang yang juga boleh menjamin keselesaan persaraan kelak kerana semuanya ditanggung oleh pelan yang diambil daripada peringkat awal.

Terdapat beberapa faktor lain yang boleh dikenal pasti berkesan untuk menjamin persaraan yang realistik dan praktikal. Ini tentunya merangkumi faktor pengurusan hutang, peruntukan perbelanjaan, kepelbagaian jenis pelaburan, anggaran kos gaya hidup, tempat di mana kita ingin

bersara serta kaedah pembahagian harta.

Menyentuh faktor pengurusan hutang seperti pembiayaan pembelian hartanah, kenderaan dan sebagainya, kedudukan kewangan semasa seharusnya mampu menampung faktor pengurusan pembiayaan agar tidak menjadi bebanan sehingga waktu persaraan kelak. Peruntukan perbelanjaan turut perlu sejajar dengan pendapatan, mampu menanggung kos semasa dan berupaya membuat tabungan atau simpanan untuk tujuan pelaburan. Justeru itu adalah amat penting perancangan kewangan ini dilakukan berdasarkan kemampuan.

Bagi faktor pelaburan pula, ia boleh tertumpu kepada kepelbagaian pelaburan terancang seperti deposit, dana unit amanah/pemilikan amanah saham, pemilikan hartanah dan caruman wajib KWSP atau skim pencen.

Seseorang itu juga perlu membuat anggaran kos gaya hidup yang ingin dicapai sewaktu persaraan atau sekurang-kurangnya yang ingin dikekalkan pada hari tua kelak.

Persoalan seperti di manakah tempat kita ingin bermastautin setelah bersara kelak? Jumlah pendapatan/kewangan yang diperoleh di waktu persaraan perlu mampu menampung kehidupan harian ketika itu.

Selain itu kaedah pembahagian harta juga perlu diambil perhatian iaitu seperti pengurusan harta mengikut kaedah kewangan Islam secara wasiat, pemberian hibah atau hadiah ke atas pemilikan harta turut boleh dirancang dengan lebih awal.

Sudah pasti keselesaan zaman persaraan yang diidamkan mampu dicapai dengan perancangan kewangan yang bertepatan, berkesan dan realistik. Keberkesanan perancangan kewangan ini akan membuatkan kita selesa dan yakin untuk menghadapi zaman persaraan serta lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

**PENULIS** adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad